

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 5 TAHUN 1971

GADAIAN TANAH-TANAH DALAM KAWASAN RIZAB MELAYU OLEH ORANG-ORANG BUKAN MELAYU KEPADA ORANG-ORANG BUKAN MELAYU YANG LAIN

Pengedaran Pesuruhjaya Tanah dan Galian Kelantan Bil. 5 Tahun 1961 menyatakan bahawa Ketua-ketua Jajahan tidak payah meminta kebenaran Majlis Mesyuarat Kerajaan bagi maksud membenarkan mana-mana permohonan daripada orang bukan Melayu yang hendak menggadaikan tanahnya (dalam kawasan Rizab Melayu) kepada orang-orang bukan Melayu yang lain. Semenjak itu gadaian tanah-tanah dalam kawasan Rizab Melayu kepada orang-orang bukan Melayu telah didaftarkan dengan tidak terlebih dahulu mendapatkan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan.

2. Dalam bulan Disember 1966, Penasihat Undang-undang Negeri pada masa itu memberi pendapatnya yang berlainan atas perkara ini, yang bermaksud bahawa gadaian (charge) dan pajakan (lease) adalah juga tertakluk kepada perkataan ‘transfer’ (pindah) yang disebutkan dalam Seksyen 13A Undang-undang Rizab Melayu kepada orang-orang bukan Melayu adalah tertakluk kepada Seksyen 13A. semenjak itu, pejabat-pejabat tanah seluruh negeri Kelantan memakai nasihat yang terkemudian ini, walaupun berlawanan dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan sebagaimana yang terkandung dalam Pengedaran PTG, 5/61 itu.

3. Penasihat Undang-undang Negeri pada masa itu bersetuju dengan pendapat di perenggan 2 di atas serta menerangkan lagi satu bahawa perkataan ‘pindah’ (transfer) termasuklah mana-mana pajakan (lease) gadai janji (mortgage), gagal (charge) dan jualan (sale). Pendapat-pendapat yang terkemudian ini yang mana berlawanan dengan kandungan Pengedaran

PTG. 5/61, telah diangkat kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan untuk petimbangannya. Di dalam persidangannya pada 15.3.1970, M.M.K telah menimbangkan Kertas bil 5/225/70 III (2) dan membuat keputusan bersetuju dengan pendapat Penasihat Undang-undang Negeri pada masa ini serta membatalkan keputusannya dahulu sebagaimana yang terkandung dalam Pengedaran PTG. 5/61.

4. Dengan adanya keputusan M.M.K seperti di atas ini, semua Pemungut-pemungut Hasil Tanah dan Pendaftar diminta mengambil perhatian bahawa:-

- (i) Semua gadaian tanah-tanah dalam kawasan Rizab Melayu oleh tuan-tuan tanah orang-orang Melayu kepada orang-orang yang atau badan-badan bukan Melayu (kecuali kepada mereka yang terkandung dalam Jadual D) memerlukan kelulusan M.M.K.
- (ii) Semua gadaian tanah-tanah dalam kawasan rizab Melayu oleh tuan-tuan tanah orang-orang bukan Melayu kepada orang-orang atau badan-badan bukan Melayu (kecuali kepada mereka yang terkandung dalam Jadual D) juga memerlukan M.M.K, melainkan jika tuan tanah itu mendapat tanah itu masuk didaftarkan menjadi pemilik itu sebelum tanah itu masuk kawasan rizab Melayu.

5. Sayugia diingatkan bahawa perkara di atas adalah juga termasuk kepada peruntukan Seksyen 104 Undang-undang Tanah Kelantan 1938.

6. Pengedaran PTG. Kn. Bil 5/61 adalah dibatalkan.

t.t

(Akasah bin H.A. Rahman)

Pengarah Tanah dan Galian
Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN
KOTA BHARU : 8HB OGOS 1971**

A.L.M. 103/57/(30)